


Bab 6 Jadual Berkala

6.1 Pengelasan Unsur (Atom, Molekul, Unsur dan Sebatian)




Bagi soalan 1-14 : Pilih jawapan dari kotak jawapan ini. Jawapan boleh diguna lebih dari sekali.

proton	neutron	elektron	positif
unsur	campuran	molekul	negatif
sama	sebatian	atom	neutral

Jadual Berkala

Arahan: Jawab soalan-soalan yang berikut.

- 1 Terdapat tiga jenis zarah subatom, iaitu _____, _____ dan _____.
- 2 _____ dan _____ membentuk nukleus di pusat atom.
- 3 _____ bergerak mengelilingi nukleus dengan kelajuan yang tinggi.
- 4 Proton bercas _____, elektron bercas _____, dan neutron bersifat _____.
- 5 Label zarah-zarah subatom dalam suatu atom.



- 6 _____ merupakan zarah yang terkecil dalam suatu unsur.
- 7 _____ merupakan gabungan sekumpulan atom.
- 8 _____ ialah bahan yang terdiri daripada sejenis zarah sahaja. Zarah-zarah dalam suatu unsur terdiri daripada atom atau molekul daripada jenis yang _____.
- 9 Perak, kuprum, besi, oksigen dan nitrogen adalah contoh-contoh _____.
- 10 _____ merupakan bahan yang mengandungi dua atau lebih unsur yang berpadu secara kimia.
- 11 Air, natrium klorida (garam biasa) magnesium oksida, karbon dioksida, dan kuprum(II) klorida ialah contoh-contoh _____.
- 12 Suatu _____ ialah bahan yang terdiri daripada dua atau lebih bahan yang tidak berpadu secara kimia.
- 13 Tanah, udara dan air laut adalah contoh-contoh _____.
- 14 _____ digunakan untuk mengelas unsur-unsur yang telah ditemui di kerak Bumi.